

TEKS UCAPAN PERASMIAN
OLEH
YANG BERBAHAGIA TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PERANCANGAN)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN K-SHOPPE IPKL 2014

Terima Kasih Saudari Pengacara Majlis

YH. Dato' Ahmad Zakaria
Ketua Pengarah
Jabatan Pertanian Malaysia

YBhg. Dato'...
Ahli Parlimen/DUN Lipis

YBhg. Dato'...
Pegawai Daerah Lipis

YBhg. En. Wan Ahmad Uzir
Pengarah,
Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan

Yg. Berusaha
Pengetua
Institut Pertanian Kuala Lipis

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan / Negeri

Pegawai-pegawai kanan jabatan dan MPPD

Rakan-rakan media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta hadirin yang saya hormati sekalian

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia

Terlebih dahulu marilah kita semua bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya kita dapat bersama dalam Majlis Perasmian K-Shoppe IPKL pada pagi ini. Ucapan terima kasih saya kepada pihak urusetia kerana sudi menjemput saya untuk hadir bersama-sama tuan-tuan/puan-puan sekalian dan seterusnya merasmikan program hari ini.

Tidak dilupakan sekalung penghargaan saya ucapkan kepada Institut Pertanian Kuala Lipis (IPKL) sebagai tuan rumah dengan kerjasama Majlis Latihan Pertanian Keangsaan (NATC), Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA), Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veteriner, MADA, KADA, TEKUN, AgroBank, jabatan/agensi dan pihak swasta yang berjaya membentuk kerjasama yang mantap dalam menganjurkan 'Hari Terbuka IPKL' yang telah mencipta sejarah dalam penganjurannya di Kampus IPKL, Bandar Bersejarah Kuala Lipis.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin sekalian,

1. Jika dinilai dari aspek sejarah, DAERAH LIPIS adalah daerah yang telah banyak mencipta sejarahnya bermula dari zaman penjajahan British ke Tanah Melayu sehinggalah Malaysia mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957. Selain itu Kuala Lipis juga merupakan bekas ibu negeri Pahang dan daerah ini juga telah melahirkan beberapa nama besar dalam sejarah Malaysia. Antaranya ialah Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Tun Muhamad Ghazali Shafie (bekas menteri Hal Ehwal Dalam Negeri), Chef selebriti Redzuwan Ismail (Chef Wan) dan penyanyi Nombor Satu Negara Datuk Siti Nurhaliza Tarudin.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

2. Bangunan yang tertua disini ialah Masjid Negeri yang telah dibina pada 1888 masih kekal hingga kini. Manakala Institut Pertanian Kuala Lipis juga telah beroperasi di bangunan yang bersejarah yang dahulunya adalah Ibu Pejabat Polis Negeri Pahang dan telah banyak mencipta sejarah khususnya dalam melahirkan graduan pertanian bermula dari tahun 1970 sehinggalah sekarang. Jika dihitungkan, IPKL telah memberi khidmat selama 44 tahun. Lulusan IPKL kini telah menjawat pelbagai jawatan penting dalam sektor awam dan swasta, malahan ada yang telah menjadi usahawan dan ahli korporat yang berjaya. Maka legasi kecemerlangan tersebut telah diwariskan kepada generasi masa kini yang masih menuntut di sini. Berdasarkan statistik, IPKL telah mengeluarkan seramai 1500 orang graduan Sijil Pertanian Malaysia, diikuti 75 orang peserta PIUBT dan 550 pelatih lepasan SKM Bidang Tanaman.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

3. Untuk makluman, program Hari Terbuka IPKL yang di anjurkan ini telah menampakkan satu sinergi atau kesepakatan dan kerjasama di kalangan Jabatan / Agensi di bawah MOA yang menerapkan semangat Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi menjayakan program ini dan diharap ianya terus menjadi budaya kerja dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Pada hari ni terdapat penyertaan oleh jabatan dan agensi dari MOA yang menyediakan 11 gerai pameran, promosi dan kiosk iformasi. Selain itu, pihak FAMA turut menyediakan 33 unit gerai jualan yang terdiri dari peserta Usahawan bimbingan FAMA. Produk yang dijual adalah berasaskan Industri Asas Tani (IAT). Secara keseluruhannya, sejumlah 44 unit gerai pameran dan jualan turut serta pada Hari Terbuka ini. Oleh itu, saya menyeru kepada hadirin sekalian agar tidak melepaskan peluang untuk berkunjung ke semua gerai jualan dan pameran yang disediakan.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

4. Mungkin ada sebahagian tetamu yang hadir pada hari ini tidak pernah menjejakkan kaki di kampus ini kerana kedudukannya adalah di atas bukit ataupun hanya menggunakan jalan Barry sebagai jalan pintas untuk bandar Lipis. Malahan ada yang tidak mengetahui kemudahan yang terdapat di IPKL. Untuk makluman hadirin sekalian, warga IPKL sangat bertuah kerana memiliki tanah ladang seluas 814 ekar sekaligus menyokong aktiviti latihan kemahiran dan praktikal yang melibatkan tanaman sayuran, buah-buahan, getah, sawit dan juga ternakan ikan air tawar dalam sangkar. Malahan IPKL juga turut menyediakan tapak tanaman dan kemudahan prasarana bagi projek Mentor-Mentee khususnya bagi usahawan yang berminat untuk mengusahakan projek tanaman sayuran singkat masa bagi menampung permintaan di pasaran pada hari ini.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

5. IPKL juga merancang untuk mendirikan sebuah kampus baharu di ladang IPKL yang akan menempatkan seramai 1000 orang penuntut pada satu-satu masa dengan tawaran pelbagai bidang kemahiran seiring dengan permintaan pihak industri. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, IPKL telah memohon peruntukan berjumlah RM 150 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). Pembangunan kampus baharu tersebut akan memberi impak yang besar terhadap peningkatan sosio-ekonomi di Daerah Lipis dan turut menyediakan peluang pekerjaan terhadap masyarakat di sekitar daerah ini. Oleh, saya amat berharap agar

hasrat dapat direalisasikan dengan kerjasama dan sokongan di peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta sokongan Ahli Parlimen, ADUN dan Exco Negeri Pahang.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

6. MyAgrosis merupakan program bercorak keusahawanan yang menerapkan kemahiran pengurusan kewangan dan projek pertanian bermula dari pengkat penyediaan kawasan, penanaman, ternakan dan seterusnya jualan di pasaran terbuka. Pada hari ini kita akan menyaksikan perasmian kemudahan K-Shoppe yang turut dijadikan sebagai dewan serbaguna, student center, jualan barangan runcit, jualan hasil tanaman, masakan dan minuman yang diusahakan sendiri oleh pelatih Sijil Kemahiran Malaysia Bidang Tanaman yang menuntut di sini. Pihak pengurusan hanya menyediakan modal permulaan sahaja. Manakala modal pusingan dijanakan dari hasil jualan harian oleh pelatih. Pendedahan sebegini mampu melahirkan lebih ramai usahawan dikalangan belia pada masa kini. Malahan ia mampu mengurangkan jurang pengangguran yang sentiasa menjadi isu hangat dikalangan belia pada hari ini.

Bhg.Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin sekalian,

7. Pihak Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani mengharapkan program selama dua hari ini mampu mencapai sasaran untuk menarik kehadiran sekurang-kurangnya 1,000 orang pengunjung dan seterusnya mencapai matlamat program hari terbuka ini. Adalah menjadi harapan pihak Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani, agar kemudahan K-Shoppe IPKL dapat melahirkan graduan yang lebih berwawasan untuk menjadi usahawantani pada masa depan.

8. Dengan harapan tersebut, maka dengan lafaz Bismillah hir rahman nir rahim saya merasmikan K-Shoppe IPKL.

Sekian terima kasih.